

**Kerajaan Islam Andalus Sebagai Model Keharmonian Hubungan Etnik**  
*(The Government Of Muslim Al-Andalus As A Model Of Harmonious Ethnic Relations)*

Nik Kamaliah Nik Abdullah\*, Che Zarrina Sa'ari\*\*

**Abstrak**

Masyarakat kini berhadapan dengan pelbagai masalah khususnya dalam konteks kehidupan masyarakat yang berbilang etnik. Artikel ini mengetengahkan kerajaan Islam Andalus silam sebagai model kerajaan yang mampu membina keharmonian dalam lingkungan masyarakat berlainan agama, bangsa dan keturunan. Pengalaman kerajaan ini dengan menampilkan pendekatan Islam dalam mendepani masyarakat ketika itu melibatkan aspek politik ekonomi dan sosial telah menjadikan Andalus sebagai obor dunia Eropah.

**Kata kunci:** *Kerajaan Islam Andalus. Model Keharmonian, Hubungan Etnik*

**Abstract**

*The community is now faced with various problems in particular in the context of public life of different ethnic groups. This article highlights the Islamic Government as a model of ancient Andalus government capable of building harmony within society different religion, nationality and ancestry. This government experience featuring Islamic approach in facing the community at the time when it involves political economic and social have made European world torch as Andalus.*

**Keyword:** *The Government Of Muslim Al-Andalus, A Model Of Harmony, Ethnic Relations*

**Pendahuluan**

Pembukaan Kerajaan Islam di bumi Andalus pada tahun 92H./711M.<sup>1</sup> oleh Tariq bin Ziyad dan Musa bin Nusayr merupakan satu lambaran baru bagi dunia Eropah justeru dunia tersebut sebagaimana yang telah disebut sebelum ini, berada dalam kegelapan. Ketika itu Andalus dianggap sebagai “the torch of Europe” iaitu obor kepada dunia Eropah lantaran perannya dalam menerangi dunia tersebut sehingga mereka mengecapi zaman kebangkitan semula. Kerajaan Islam

---

\* Nik Kamaliah Nik Abdullah, Calon PhD di Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan juga Pensyarah Akademi Pengajian Islam (ACIS), UiTM, Shah Alam.

\*\* Che Zarrina Sa'ari, Prof Madya Dr, Ketua Jabatan Aqidah Dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Dan Penyelia Calon.

<sup>1</sup> Hamid 'Abd al Qadir, *al-Islam, Zuhuruh wa Intisyaruh fi al-'Alam*, (Misr: Maktabah Nahdah, 1964), 254. Menurut catatan lain meyebutkan bahawa pembukaan Andalus bermula pada 91H. Ahmad Ibn Zayni Dahlan (1345). *Futuh al-Islamiyyah*, (Misr: Maktabah Tijariyyah, 1345H), 221.

berdiri teguh di negara ini selama lapan abad (92H-897H/711-1492M). Meskipun masyarakat di sana majoriti terdiri daripada masyarakat Kristian dan sebahagian Yahudi namun kedatangan Islam telah memberi sinar dan kemajuan kepada dunia tersebut, yang ketika itu mereka dibelenggu dengan kemiskinan dan kemerosotan dari aspek material dan spritual.<sup>2</sup> Kelahiran Islam di Eropah membuktikan Islam bukan hanya milik orang Arab malah ia juga boleh diamalkan oleh masyarakat selainnya asalkan ianya berlandaskan kepada prinsip yang telah ditetapkan dalam Islam.

## **Masyarakat Andalus Dalam Pemerintahan Islam**

Perbincangan mengenai kedudukan masyarakat Andalus di bawah pentadbiran Islam secara ringkasnya menyentuh aspek politik, sosial dan ekonomi.

### ***Politik***

Sebelum kedatangan Islam, Andalus mengamalkan sistem pemerintahan secara otokrasi. Dalam kebanyakan hal pemerintah bertindak zalim terhadap rakyat jelata. Hak keistimewaan berligar di sekitar golongan bangsawan. Keadaan ini mencetuskan rasa tidak puashati di kalangan masyarakat. Kesannya kekacauan meletus di merata tempat dan negara menjadi porak peranda. Pada akhir pemerintahan kerajaan Visigoth (kerajaan Andalus ketika itu) keadaan politik negara berada dalam keadaan kucar kacir. Polimik ini semakin meruncing apabila Roderick panglima tentera telah merampas kuasa daripada Witiza yang merupakan pemerintah ketika itu. Roderick mendapat tentangan hebat dari kaum kerabat Witiza terutama daripada anaknya Achilla dan Opas, saudara lelaki Witiza.<sup>3</sup> Selain itu, Roderick juga mendapat tentangan daripada Count Julian, gabenor Ceuta (Sibtah) kerana dikatakan telah merampas kehormatan anak perempuannya Florinda.<sup>4</sup>

Situasi tersebut menjadi faktor penyebab kepada Julian untuk membalas dendam terhadap Roderick lantas bertindak membantu tentera Islam dengan memberi bekalan kapal-kapal perniagaannya untuk keperluan tentera Islam.<sup>5</sup> Sementara golongan Yahudi yang sentiasa ditindas oleh puak Kristian daripada kalangan pemerintah ketika itu juga membuat tindakan yang sama dengan memberi laluan kepada tentera Islam untuk memerintah Andalus. Mereka telah membuka rahsia kekuatan tentera Visigoth kepada tentera Islam.<sup>6</sup> Golongan rendah yang tertekan dengan karenah pemerintah turut membantu orang Islam.<sup>7</sup>Harapan mereka agar terjadinya satu perubahan politik yang akan mengakhiri kerakusan kerajaan Goth (Visigoth).<sup>8</sup>

Fenomena tersebut menggambarkan bahawa betapa layanan pihak pemerintah terhadap rakyat yang sebangsa dengan mereka apatah lagi yang tidak sebangsa seperti Yahudi amat tidak

---

<sup>2</sup> Sir Thomas Walker Arnold & Alfred Guillaume, *The Legacy of Islam*, (London: Oxford University Press, 1931), 5.

<sup>3</sup> S.M. Imamuddin, *Some Aspects of the Socio-Economic and Cultural History of Muslim Spain*, (Leiden: E.J.Brill, 1965), 10-14.

<sup>4</sup> Reinhart Dozy, *Spanish Islam: A History of the Moslems in Spain*, (London: Frank Cass, 1972), 230.

<sup>5</sup> Ibn Qutaybah al-Dinawari, *al-Imamah wa al-Siyasah*, (Qahirah, 1967), 6; Ibn al-Idhari al-Murrakhusi (1948), *al-Bayan al Mughrib fi Akhbar al-Andalus wa al-Maghrib*, (Leiden, 1948), 6-7; Reinhart Dozy, *Spanish Islam*. 230

<sup>6</sup> Micheal Grant, *The Civilization of Europe*, (London: Weidenfeld and Nicholson, 1965), 58.

<sup>7</sup> Titus Burkharat, *Moorish Culture in Spain*, terj. Alisa Jaffa, (London: George Allen and Unwin Ltd, 1972), 24.

<sup>8</sup> ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Ḥakam; ‘Abd Allāh Anīs al-Ṭabbā’, *Futūḥ Afrīqiyā wa al-Andalus*, (Bayrut: Maktabah al-Madrasah wa Dār al-Kitāb al-Lubnānī li al-Ṭibā‘ah wa-al-Nashr, 1964). 82.

berperikemanusiaan. Penindasan, perhambaan dan penyelewengan menjadi amalan harian mereka. Adalah tidak menjadi satu kehairanan kedatangan Islam ke Andalus mendapat sambutan yang baik daripada rakyat bawahan dan termasuk juga pihak atasan. Meskipun tentera Islam hanya berjumlah 12,000 orang<sup>9</sup>, namun dengan mudah dapat mengalahkan tentera Visigoth yang berjumlah berganda lebih ramai iaitu, antara 25,000 hingga 100,000 orang<sup>10</sup>.

Setelah kedatangan Islam, suasana politik Andalus bertukar wajah. Sistem pemerintahan berteraskan Islam diamalkan sepenuhnya. Pemerintah dan ulama' sentiasa berganding bahu dalam pentadbiran. Ulama' bertindak selaku penasihat kepada pemimpin agar setiap keputusan yang diambil tidak menyimpang daripada kehendak Islam. Sistem syura sentiasa diamalkan.<sup>11</sup> Oleh itu politik yang adil dan toleransi merupakan teras utama dalam perjalanan sistem pentadbiran ketika itu.<sup>12</sup> Perhambaan serta kezaliman dihapuskan dan Islam telah membawa persamaan dan kebebasan menyeluruh kepada penduduk Andalus.<sup>13</sup>

Gambaran tersebut dapat dilihat bagaimana pemerintah Islam ketika itu tidak hanya melantik daripada kalangan orang Islam sahaja sebagai pentadbir, malah orang Kristian dan Yahudi juga turut mendapat tempat dalam mengisi jawatan pentadbiran khususnya yang berkaitan dengan hal ehwal serta kebajikan mereka. Bagi masyarakat Kristian Andalus (*al-Musta'rabun*)<sup>14</sup> jawatan ini dikenali dengan "*Count*". Jawatan ini dilantik oleh pemerintah di setiap bandar Andalus. Ibn Munzir Ghaytishah seorang paderi Kristian telah dilantik sebagai salah seorang pentadbir di Sevilla. Selain daripada itu, pentadbiran Islam juga telah memperuntukkan jawatan hakim yang dikenali dengan *Qadi al 'Ajam* yang berfungsi sebagai badan bertindak dalam menyelesaikan sebarang kemusykilan yang berlaku di kalangan mereka. Namun sekiranya berlaku perselisihan antara orang Kristian dan Islam, maka hakim Islam bertindak menangani urusan tersebut.<sup>15</sup>

Sementara itu kedudukan orang Yahudi juga turut berubah setelah pemerintahan Islam. Kalau sebelum ini mereka sering ditindas dan dizalimi oleh pemerintah Rome dan Visigoth, namun sebaliknya setelah tampuk pimpinan bertukar tangan, mereka diberi layanan yang saksama seperti masyarakat lain. Sebagaimana orang Kristian, orang Yahudi juga diberi hak sebagai *Ahli Dhimmah*<sup>16</sup> (orang bukan Islam yang tinggal di negara Islam yang diberi perlindungan) yang wajib

---

<sup>9</sup> Reinhart Dozy, *Spanish Islam A History of the Moslems in Spain*, (London: Frank Cass, 1972), 231.

<sup>10</sup> T.B. Irving, *Falcon of Spain*. cet ke 2, (Lahore: Ashraf Press, 1962),11.

<sup>11</sup> 'Alī Ḥusnī Kharbūṭlī, *al-Islām wa al-khilāfah*. (Bayrūt: Dār Bayrūt li al-Ṭiba'ah wa-al-Nashr, 1969).224.

<sup>12</sup> Muhammad 'Abdullah 'Inan, *Dawlah al-Islam fi al-Andalus*, (Qahirah: Muassasah al-Khanji, 1960) 38.

<sup>13</sup> *Ibid*, 61.

<sup>14</sup> Gelaran yang diberikan kepada orang Kristian Andalus kerana budaya kehidupan mereka adalah seperti kebudayaan Arab, sama ada dari segi bahasa, pakaian, aktiviti keilmuan dan lain-lain. al-Sayyid 'Abd al-'Azīz Sālim, *Tārīkh al-Muslimīn wa Athāruhum fi al-Andalus : min al-Fath al-'Arabī ḥattā Suqūṭ al-Khilāfah bi Qurṭubah*, (Bayrut: Dār al-Ma'ārif, 1962). 130.

<sup>15</sup> *Ibid*, h. 131-132; Husayn Mu'nis, *Fajr al-Andalus: Dirasah fi Tarikh al-Andalus min Fath al-Islami ila Qiyam al-Dawlah al-Umawiyah (711-756)*, (Qahirah: Al-Sharikah al-'Arabīyah li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr, 1959). 518.

<sup>16</sup> Dari segi bahasa ia bermaksud keamanan, jaminan dan kesanggupan. Manakala dari segi istilah ialah orang-orang bukan Islam yang bermustautin di Negara Islam. Mereka dikenali sebagai ahli *Dhimmah* kerana mereka dikenakan *jizyah* oleh pemerintah Islam sebagai hak istimewa bagi mereka untuk tinggal di bawah perlindungan kerajaan Islam dengan kadar yang ditentukan oleh pemerintah dari semasa ke semasa bersama-sama dengan cukai lain. Perlindungan yang diperolehi ialah hak hidup, bekerja, harta dan pelbagai keistimewaan lagi. Menurut Muztar Golongan ini juga dikenali dengan *al-Mu'ahidun* justeru mereka telah membuat kontrak dan perjanjian dengan pemerintah Islam yang memberi jaminan dan kerakyatan untuk mereka tinggal dalam negara 'Alī Ḥusnī Kharbūṭlī, *al-Islām wa Ahl al-*

ditunaikan oleh memerintah Islam. Bangsa ini telah diberi kepercayaan untuk memegang sejumlah besar jawatan dalam pentadbiran. Justeru di kalangan mereka ada yang dilantik untuk memegang jawatan wazir. Peranan golongan ini sungguh penting dalam pentadbiran. Mereka memiliki satu pentadbiran yang khusus di kawasan penempatan mereka.<sup>17</sup> Hasdai bin Shifrut, seorang Yahudi memainkan peranan yang cukup berkesan semasa pentadbiran khalifah Abdul Rahman III (al-Nasir). Beliau dilantik sebagai penyambut tetamu para perwakilan negara-negara asing. Peranan beliau dapat dibuktikan semasa menerima rombongan yang dikirim oleh pemerintah Byzantine, Constantine II dan daripada rombongan yang dikirim oleh kerajaan Jerman. Selain daripada itu, beliau juga pernah dilantik oleh khalifah tersebut sebagai diplomat kepada salah seorang raja perempuan Eropah.<sup>18</sup> Dalam catatan lain, beliau juga dikatakan pernah berkhidmat sebagai tabib (dokter) kepada khalifah.<sup>19</sup>

### **Sosial**

Menyentuh aspek sosial masyarakat Andalus sebelum kedatangan Islam dapat dilihat menerusi sistem sosial, pendidikan dan keagamaan. Sistem sosial masyarakatnya dikategorikan kepada dua. Pertama ialah kelas pemerintah yang terdiri daripada kalangan raja, agamawan (paderi) dan golongan bangsawan. Manakala golongan kedua terdiri daripada golongan rakyat bawahan, hamba sahaya dan orang Yahudi.<sup>20</sup> Secara umumnya golongan pertama merupakan golongan yang paling kaya. Kekayaan yang mereka nikmati merupakan hasil daripada kebebasan mereka dalam melakukan penindasan dan kezaliman terhadap golongan kedua. Mereka juga boleh memiliki sebanyak mungkin harta seperti tanah pertanian termasuk para pekerjanya. Hasil pertanian golongan petani mereka rampas. Meskipun mereka memiliki harta yang melimpah namun mereka tidak dikenakan sebarang cukai dan nasib rakyat tidak terbelah.<sup>21</sup> Sementara golongan kedua khususnya puak hamba merupakan golongan yang paling ramai. Golongan ini sentiasa dipandang rendah oleh golongan atasan. Tanah pertanian yang diusahakan oleh rakyat bawahan dikenakan cukai yang tinggi dan sekiranya hasil pertanian tidak dapat dikeluarkan, tanah tersebut akan dirampas. Manakala golongan hamba yang mengerjakan tanah tersebut akan turut terjual. Puak hamba tidak mendapat sebarang hak apatah lagi hak untuk hidup sebagai manusia biasa. Mereka tidak dibenarkan berkahwin melainkan selepas mendapat keizinan daripada tuan mereka. Jika sebaliknya berlaku perkahwinan tersebut dianggap tidak sah. Malah sekiranya terdapat dari kalangan hamba yang berkahwin dengan anak tuan lain dan memperolehi anak, mereka tetap akan dipisahkan.<sup>22</sup> Manakala golongan Yahudi pula sentiasa ditindas dan dizalimi oleh pihak pemerinah Kristian. Terdapat di kalangan mereka yang disiksa di khalayak umum.<sup>23</sup>

---

*Dhimmah*, (al-Qāhirah: al-Majlis al-A‘lá li al-Shu‘ūn al-Islāmīyah, 1969), 65; Maan Z. Madina, *Arabic - English Dictionary of the Modern Literary Language*, New York: Pocket Books, 1973), 238; A.D.Muztar, "Dhimmis in an Islamic State" dalam *Islamic Studies*, (1979), j. Xviii: 65.

<sup>17</sup> al-Sayyid ‘Abd al-‘Azīz Sālim, *Tārīkh al-Muslimīn wa Athāruhum fi al-Andalus*, 133; Husayn Mu’nis, *Fajr al-Andalus*, 532.

<sup>18</sup> Ali Ḥusnī Kharbūṭlī, *al-Islām wa Ahl al-Dhimmah*, (al-Qāhirah: al-Majlis al-A‘lá li al-Shu‘ūn al-Islāmīyah, 1969), 217.

<sup>19</sup> al-Sayyid ‘Abd al-‘Azīz Sālim, *Tārīkh al-Muslimīn wa Athāruhum fi al-Andalus*, 133.

<sup>20</sup> S.M. Imamuddin, *Some Aspects of the Sosio-Economic and Cultural History of Muslim Spain*, 10

<sup>21</sup> al-Sayyid ‘Abd al-‘Azīz Sālim, *Tārīkh al-Muslimīn wa Athāruhum fi al-Andalus*, 62 dan 64.

<sup>22</sup> Husayn Mu’nis, *Fajr al-Andalus, Fajr al-Andalus, Dirasah fi Tarikh al-Andalus min Fath al-Islami ila Qiyam al-Dawlah al-Umawiyah (711-756)*, Qahirah: Al-Sharikah al-‘Arabīyah li al-Ṭabā‘ah wa al-Nashr, 1959. 472.

<sup>23</sup> *Ibid*, 21-522.

Setelah kedatangan Islam sistem sosial masyarakat Andalus telah bertukar wajah, di mana ia dapat dibahagikan kepada dua golongan. Pertama ialah golongan Islam, terdiri daripada orang Arab, Barbar, *Muwalladun*<sup>24</sup>, *Musalimah*<sup>25</sup> dan *Mawali*. Manakala golongan kedua, melibatkan orang 'Ajam (orang asing) Kristian (*al-Musta'rabun*) dan Yahudi.<sup>26</sup>

Meskipun kumpulan masyarakat agak rencam pada zaman pentabiran Islam, namun hubungan mereka begitu erat sekali. Penindasan, kezaliman dan perhambaan daripada golongan berkuasa terhadap golongan bawahan tidak lagi berlaku. Masing-masing menghormati antara satu sama lain. Setiap masyarakat mempunyai hak sebagai seorang warganegara dan dilindungi oleh pihak pemerintah. Ini dapat dibuktikan menerusi pandangan Dozy, seorang sejarawan barat yang menukulkan: "Dengan pembukaan orang-orang Islam ke atas Andalus, berlakulah pembentukan masyarakat yang sempurna, mengelokkan sistem perhambaan dan memberi kebebasan kepada hamba-hamba Kristian."<sup>27</sup>

Masyarakat Islam menerima golongan Kristian dan Yahudi hidup dalam satu entiti masyarakat. Mereka bebas bergaul antara satu sama lain tanpa melihat status kedudukan mereka.<sup>28</sup> Keakraban hubungan ini membuatkan golongan Yahudi di Chetto merasakan Andalus adalah syurga bagi mereka.<sup>29</sup>

Selain daripada itu, kedudukan keilmuan masyarakat Eropah digambarkan berada dalam keadaan kejahilan yang begitu tenat. Sebaliknya negara yang berada di bawah pentadbiran Islam di Timur dan Barat, seperti Baghdad, Qahirah, Cordoba dan Toledo telah muncul sebagai pusat ketamadunan dan keilmuan. Para pimpinannya amat menggalakkan aktiviti keilmuan sehingga kedapatan pelbagai institusi keilmuan yang tumbuh di sana.<sup>30</sup>

Realitinya masyarakat Andalus dikatakan sebagai masyarakat yang buta huruf. Rakyat biasa atau golongan bawahan tidak diberi peluang melibatkan diri dalam aktiviti keilmuan, sebaliknya mereka dipaksa menjadi buruh di ladang atau menjadi hamba kepada golongan atasan. Justeru mereka dibesarkan dalam kejahilan. Sementara golongan atasan, hanya segelintir daripada kalangan paderi dan ahli gereja yang terpelajar.<sup>31</sup>

Layanan pihak pemerintah terhadap masyarakat Andalus setelah Islam memerintah amat berbeza sekali berbanding dengan kedudukan mereka sebelum kedatangan Islam. Setiap golongan dibenarkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti keilmuan. Ini sesuai dengan kehendak ajaran Islam yang mewajibkan setiap penganutnya menuntut ilmu. Justeru para pemimpin Islam Andalus

---

<sup>24</sup> Anak kelahiran daripada orang Islam Arab atau Barbar yang berkahwin dengan wanita Andalus. Anwar G. Chejne, *Muslim Spain: Its History and Culture*, (Minneapolis: The University of Minnesota Press, 1974), 113-114.

<sup>25</sup> Penduduk Andalus yang memeluk Islam serta menjalani Islam sebagai cara hidup. *Ibid*.

<sup>26</sup> Dr. 'Abd Rahman 'Ali al-Hajji, *Andalusīyyat al-Thani*, (Bayrut: Dar al-Irshad, 1969), 21-22.

<sup>27</sup> Reinhart Dozy, *Spanish Islam*, 231; Muhammad 'Abdullah 'Inan, *Dawlah al-Islam fi al-Andalus*, 64

<sup>28</sup> *Ibid*.

<sup>29</sup> Husayn Mu'nis, *Fajr al-Andalus. Fajr al-Andalus, Dirasah fi Tarikh al-Andalus min Fath al-Islami ila Qiyam al-Dawlah al-Umawīyah (711-756)*, Qahirah: Al-Sharikah al-'Arabīyah li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr, 1959. 523.

<sup>30</sup> Jan Read, *The Moors in Spain and Portugal*, (London: Routledge and Kegan Paul, 1979), 174; Zakariyā, Zakariyā Hāshim, *Faḍl al-Haḍārah al-Islāmīyah wa al-'Arabīyah 'Alā al-'Alam*, (Qāhirah: Dar Nahḍat Miṣr li al-Ṭab' wa-al-Nashr, 1970).20.

<sup>31</sup> Muhammad 'Abdullah 'Inan, *Dawlah al-Islam fi al-Andalus*, Qahirah: Muassasah al-Khanji, 1960, 458.

mengambil inisiatif dengan memberi galakan serta motivasi kepada semua golongan tanpa mengira warna kulit dan agama untuk mempelajari ilmu pengetahuan. Impaknya tahap keintektualan masyarakatnya begitu tinggi sekali. Dalam hal ini Dozy menyatakan; “In Andalusia nearly every one could read and write, while in Christian Europe persons in most exalted positions – unless they belonged to the clergy – remained illiterate.”<sup>32</sup>

Masyarakat Kristian dan Yahudi Andalus turut memainkan peranan penting bersama orang Islam dalam perkembangan ilmu pengetahuan. Situasi ini dapat dilihat sewaktu Andalus khususnya Cordoba telah menjadi sebagai pusat aktiviti keilmuan di Eropah. Tenaga pelajarnya terdiri daripada sarjana-sarjana yang terulung pada masa itu. Keadaan ini berterusan sehingga 800 tahun lamanya, iaitu sewaktu Islam memerintah. Para pelajarnya terdiri daripada orang Islam, Kristian dan Yahudi.<sup>33</sup> Orang Kristian yang terlibat secara aktif dalam aktiviti penterjemahan terutama daripada bahasa Arab ke bahasa Latin adalah seperti; Adelard, Robert, Gerald, Micheal Scott, Stephen, William, Phillip, John dan ramai lagi. Kebanyakan buku yang diterjemah melibatkan bidang falsafah, perubatan, kimia, fizik, biologi, botani aljebra, astronomi dan lain-lain.<sup>34</sup> Begitu juga dengan Paderi Rabi‘ bin Zaid dan paderi Asbagh bin Abdullah ibn Nubail terkenal sebagai penulis dan terlibat secara aktif dalam aktiviti penterjemahan buku-buku berbahasa Qusytalah ke Bahasa Arab.<sup>35</sup> Terdapat sebilangan yang lain terlibat dalam menterjemah buku hasil penyelidikan sarjana Islam dari teks Greek yang berbahasa Arab ke Bahasa Latin.<sup>36</sup> John dari Seville telah menterjemah Bible ke dalam bahasa Arab dan dibahagikan kepada bishop dan paderi di seluruh Andalus. Keadaan ini berlaku justeru majoriti golongan Kristian lebih banyak dipengaruhi oleh kebudayaan Arab berbanding pengaruh lain sehinggakan bahasa Arab menjadi bahasa pertuturan utama berbanding bahasa mereka sendiri.<sup>37</sup>

Sebagaimana orang Kristian orang Yahudi juga terlibat dalam aktiviti penterjemahan. Mereka banyak menterjemah buku-buku bahasa Arab ke dalam bahasa Hebrew dan Latin. Terdapat di kalangan mereka yang berkemahiran dalam ilmu kedoktoran, falsafah, falak, kimia dan pelbagai lagi ilmu. Antara mereka ialah Hasdai bin Shifrut mahir dalam bidang kedoktoran sehingga beliau pernah menjadi doktor peribadi Abdul Rahman al-Nasir, Ibrahim bin Sahal seorang penyair. Musa bin Maimun dan Sulayman bin Jibril merupakan ahli falsafah serta sarjana yang berkelibar.<sup>38</sup>

---

<sup>32</sup> Reinhart Dozy, *Spanish Islam A History of the Moslems in Spain*, (London: Frank Cass, 1972), 455.

<sup>33</sup> Zakariyyā, Zakariyyā Hāshim, *Faḍl al-Haḍārah al-Islāmīyah wa al-‘Arabīyah ‘Alā al-‘Alam*, 378.

<sup>34</sup> Jan Read, *The Moors in Spain and Portugal, 176-178*; Anwar G. Chejne, *Muslim Spain*, 358; Zakariyya Hashim Zakariyya, *Faḍl al-Haḍārah al-Islāmīyah wa al-‘Arabīyah ‘Alā al-‘Alam*, 25; S.P. Scott, Samuel Parsons *History of Moorish Empire In Europe*, (New York: Am Press, 1977)), 94.

<sup>35</sup> Husayn Mu’nis, *Fajr al-Andalus, Fajr al-Andalus, Dirasah fi Tarikh al-Andalus min Fath al-Islami ila Qiyam al-Dawlah al-Umawīyah (711-756)*, Qahirah: Al-Sharikah al-‘Arabīyah li al-Ṭabā‘ah wa al-Nashr, 1959. 439.

<sup>36</sup> Bernard Lewis, *The Arabs in History*, (London: Hutchinson, 1968), 120.

<sup>37</sup> Anwar G. Chejne, *Muslim Spain: Its History and Culture*, (Minneapolis: The University of Minnesota Press, 1974. 117.

Pimpinan Islam Andalus tidak hanya memberi peluang menuntut ilmu daripada kalangan orang Kristian dan Yahudi dari Andalus sahaja, malah melibatkan orang bukan Islam dari Eropah. Kemasyuhuran Andalus sebagai gedung ilmu, mendorong negara-negara Eropah untuk menghantar rombongan pelajar ke sana. Raja serta para pembesar Eropah juga turut menghantar putera mereka untuk mempelajari tamadun Islam di Andalus. Raja Louis IV dari Perancis telah menghantar sepupunya Elizaberth, Raja George II dari England telah menghantar anak saudaranya putera Dubant pada masa Hisham III.<sup>39</sup> Begitu juga Raja Phillip dari Bulgaria dan Raja German (mengutus menterinya William) telah menghantar rombongan meminta izin daripada Hisham II untuk mempelajari sistem pembelajaran, methodologi pengajaran, kebudayaan serta pentadbiran.<sup>40</sup>

Penjelasan di atas membuktikan betapa pemerintah Islam Andalus telah melayan semua pihak yang datang menimba ilmu dengan begitu baik. Keadaan ini memberi inspirasi kepada negara Eropah lain seperti Holand dan Itali untuk turut mempelajari ilmu di Andalus. Suasana begini tidak pernah dialami oleh mana-mana negara Eropah sebelum ini. Bukan setakat itu sahaja, malah sarjana barat menyebutkan bahawa kegiatan keilmuan seperti aktiviti penterjemahan telah memberi sumbangan yang begitu besar dalam memperkayakan tamadun Eropah.<sup>41</sup> Menerusi pengaliran dan pemindahan ilmu yang berlaku merupakan saham yang tidak ternilai yang sekaligus telah membuka tirai zaman kegemilangan Eropah.<sup>42</sup>

Menerusi aspek keagamaan, kedudukan masyarakat bukan Islam dijamin kebebasannya. Keadaan ini amat berlainan sekali dengan kedudukan mereka sebelum Islam memerintah, di mana toleransi beragama langsung tidak wujud. Agama Kristian bermazhab Katholik menjadi pegangan utama pimpinan Andalus ketika itu. Orang Yahudi menerima layanan yang cukup buruk daripada pemerintah. Raja Goth telah memaksa mereka menganut agama Kristian dan sekiranya mereka enggan berbuat demikian segala harta benda mereka akan dirampas. Kesannya lebih kurang 90,000 orang telah menerima ajaran tersebut secara paksa. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati dan dendam di kalangan mereka. Akhirnya mereka bertindak untuk memberontak, namun gagal. Balasannya segala harta yang mereka miliki dirampas dan mereka dibunuh beramai-ramai, sementara yang terselamat daripada kalangan lelaki dan wanita termasuk yang muda dan tua dijadikan hamba. Manakala golongan yang berusia lanjut sahaja dibenarkan mengamalkan ajaran asal mereka.<sup>43</sup>

Dasar toleransi yang dilaksanakan oleh pemerintah Islam Andalus cukup jelas dan sesuai dengan kehendak Islam. Islam telah menjelaskan bahawa orang-orang yang selain dari Islam tidak boleh dipaksa untuk menganut Islam.<sup>44</sup> Justeru mereka tidak pernah dipaksa untuk menganut ajaran Islam.<sup>45</sup> Mereka cuma diberi pilihan sama ada menganut Islam atau kekal dalam ajaran asal mereka dengan syarat mereka dikenakan jizyah sebagai balasan di atas perlindungan yang diberikan oleh pemerintah Islam kepada mereka.<sup>46</sup> Agama mereka juga tidak dihapuskan.

---

<sup>39</sup> Ali Ḥusnī Kharbūṭlī, *al-Islām wa Ahl al-Dhimma*, (al-Qāhirah: al-Majlis al-A‘lá li al-Shu‘ūn al-Islāmīyah, 1969), 143-144.

<sup>40</sup> Zakarīyā, Zakarīyā Hāshim, *Faḍl al-Haḍārah al-Islāmīyah wa al-‘Arabīyah ‘Alá al-‘Alam*, 25.

<sup>41</sup> Bernard Lewis, *The Arabs in Spain*, London: Hutchinson, 1968, 130.

<sup>42</sup> Phillip K.Hitti (1970), *History of the Arab*, cet. ke 10, (New York: St Martin’s Press, 1970).557.

<sup>43</sup> S.M. Imamuddin, *Some Aspects of the Sosio-Economic and Cultural History of Muslim Spain*, 10 dan 13-14.

<sup>44</sup> Lihat al-Qur’an, al- Baqarah 2:256.

<sup>45</sup> Arnold Thomas Walker, *The Preaching of Islam*, 113.

<sup>46</sup> P.E. Russels (1973), *A Companion to Spanish Studies*, (London: Muthuen and Co. Ltd, 1973), 44.

Sebaliknya mereka bebas mengamalkan ajaran mereka. Gereja-gereja juga dibenarkan untuk didirikan.<sup>47</sup> Namun begitu, satu satunya keberatan yang mereka rasai ialah kerana mereka dikenakan jizyah. Orang lelaki yang sihat jasmani yang terdiri daripada golongan kaya dikenakan sebanyak 48 dirham, golongan menengah sebanyak 24 dirham dan golongan buruh kasar sebanyak 12 dirham setahun. Manakala kaum wanita, kanak-kanak, pendita agama, orang sakit, orang tua, orang kurang upaya, orang miskin dan hamba dikecualikan daripada cukai tersebut.<sup>48</sup>

Meskipun terdapat sarjana barat menyebutkan cukai yang dikenakan memberatkan mereka, namun jika dibandingkan dengan zakat yang dikenakan kepada orang Islam jauh lebih tinggi berbanding dengan mereka. Zakat yang dikenakan kepada orang Islam adalah sebanyak 2.5 peratus. Semakin banyak harta yang dimiliki bermakna semakin banyaklah zakat yang perlu dikeluarkan. Sedangkan orang bukan Islam cukainya adalah tetap tidak berubah walau sebanyak mana pun harta yang mereka perolehi. Oleh itu al-Kharbutli menyatakan dalam tulisannya bahawa jizyah yang dikenakan terhadap bukan Islam sebenarnya lebih ringan berbanding dengan tanggungjawab orang Islam sendiri.<sup>49</sup> Inilah gambaran pemerintahan Islam yang bertindak adil terhadap semua golongan yang selaras dengan tuntutan Islam.

### ***Ekonomi***

Kedudukan ekonomi Andalus semasa pemerintahan Visigoth amat berbeza dengan keadaan setelah Islam memerintah. Penindasan serta kezaliman daripada pemerintah Andalus sewaktu kerajaan Goth terhadap rakyat menjejaskan perjalanan sistem ekonominya. Ekonomi Andalus hanya dikuasai oleh pihak pemerintah, golongan bangsawan dan para paderi. Mereka tidak dikenakan sebarang cukai. Manakala golongan bawahan hanya boleh memiliki beberapa bahagian tanah sahaja untuk diusahakan. Sekiranya hasil tidak dapat dikeluarkan, tanah serta harta benda mereka akan dirampas. Dalam masa yang sama mereka dikenakan cukai yang tinggi. Sementara golongan hamba hanya bekerja untuk tuannya dan menjadi milik majikannya. Fenomena ini menjadikan keadaan ekonomi negara tidak seimbang di mana golongan kaya semakin kaya dan puak bawahan semakin merempat. Ini membuatkan mereka merasa tidak berpuashati.<sup>50</sup> Akhirnya mereka bertindak melakukan kekacauan dan terdapat di kalangan mereka yang melarikan diri untuk mengelakkan daripada ancaman. Keadaan ini telah menyebabkan banyak tanah pertanian terbiar dan industri terpaksa ditutup. Perdagangan dan perniagaan jatuh merundum. Akhirnya sistem ekonomi menjadi lumpuh.<sup>51</sup>

Pemerintah Islam telah memberi layanan yang adil kepada semua rakyat termasuk orang bukan Islam. Mereka diberi peluang yang sama untuk bergiat cergas dalam aktiviti ekonomi sama ada dalam bidang pertanian, perusahaan atau perniagaan. Selain itu mereka dibenarkan untuk meraih sebanyak mana harta yang mungkin mereka perolehi. Tanah dibahagikan secara adil dan secara tidak langsung mereka boleh memiliki tanah sendiri dan bebas untuk mengusahakannya.<sup>52</sup> Cukai

---

<sup>47</sup> Husayn Mu'nis, *Fajr al-Andalus, Fajr al-Andalus, Dirasah fi Tarikh al-Andalus min Fath al-Islami ila Qiyam al-Dawlah al-Umawiyah (711-756)*, Qahirah: Al-Sharikah al-'Arabiyah li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr, 1959. 510-511.

<sup>48</sup> Reinhart Dozy, *Spanish Islam A History of the Moslems in Spain*, (London: Frank Cass, 1972), 235.

<sup>49</sup> Kharbūṭlī, *al-Islam wa Ahl al-Dhimma*, 67.

<sup>50</sup> al-Sayyid 'Abd al-'Azīz Sālim, *Tārīkh al-Muslimīn wa Athāruhum fi al-Andalus* 62 dan 64; Husayn Mu'nis, *Fajr al-Andalus*, 472.

<sup>51</sup> S.M. Imamuddin, *Some Aspects of the Socio-Economic and Cultural History of Muslim Spain*, 12.

<sup>52</sup> Muhammad 'Abdullah 'Inan, *Dawlah al-Islam fi al-Andalus*, Qahirah: Muassasah al-Khanji, 1960, 80.



jiyrah dan kharaj (cukai tanah kepada bukan Islam) untuk sekali setahun dikenakan ke atas mereka, namun ia tidak membebaskan justeru ia adalah untuk kebajikan golongan mereka. Malah ia juga merupakan salah satu daripada sumber ekonomi ketika itu selain zakat untuk orang Islam.<sup>53</sup> Ternyata kedatangan Islam bukan sahaja membebaskan dan mendamaikan jiwa malah juga harta.<sup>54</sup> Penglibatan semua lapisan masyarakat dalam bidang ekonomi mendorong pertumbuhan ekonomi Andalus. Akhirnya ekonomi Andalus berkembang dengan begitu pesat.

## **Penutup**

Kegemilangan tamadun Islam yang berlangsung di bumi Andalus menggambarkan betapa penghayatan Islam dalam kalangan pimpinannya membuatkan kerajaan mampu bertahan selama lapan abad. Layanan yang adil daripada pemimpin terhadap masyarakat yang tidak pernah mengenal Islam apatah lagi yang bukan sebangsa dengan mereka membuktikan bahawa Islam mengiktiraf kewujudan pelbagai etnik. Masyarakat Eropah amat terhutang budi dengan kedatangan Islam lantaran telah memberi sinar kepada mereka. Sekiranya tidak kerana kedatangan Islam ke sana nescaya ketamadunan mereka akan terlambat selama beberapa abad. Justeru dapat disimpulkan bahawa Islamlah sebagai pencetus kepada tamadun moden yang berlangsung di sebelah barat kini.<sup>55</sup>

## **Rujukan**

A.D.Muztar, "Dhimmis in an Islamic State" dalam *Islamic Studies*, (1979), j. Xviii

‘Abd al-Rahmān ibn ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Ḥakam; ‘Abd Allāh Anīs al-Ṭabbā‘, *Futūḥ Afrīqiyā wa al-Andalus*, Bayrut: Maktabah al-Madrasah wa Dār al-Kitāb al-Lubnānī li al-Ṭibā‘ah wa-al-Nashr, 1964.

‘Abd Rahman ‘Ali al-Hajji, Dr., *Andalusiyyat al-Thani*, Bayrut: Dar al-Irshad, 1969.

Ahmad Ibn Zayni Dahlan, *Futuh al-Islamiyyah*, Misr: Maktabah Tijariyyah, 1345 H.

‘Ali Ḥusnī Kharbūṭlī, *al-Islām wa Ahl al-Dhimmah*, al-Qāhirah: al-Majlis al-A‘lá li al-Shu‘ūn al-Islāmīyah, 1969.

‘Alī Ḥusnī Kharbūṭlī, *al-Islām wa al-khilāfah*. Bayrūt: Dār Bayrūt li al-Ṭibā‘ah wa-al-Nashr, 1969.

Al-Sayyid ‘Abd al-‘Azīz Sālim, *Tārīkh al-Muslimīn wa Athāruhum fī al-Andalus : min al-Fath al-‘Arabī ḥattá Suqūṭ al-Khilāfah bi Qurṭubah*, Bayrut: Dār al-Ma‘ārif, 1962.

---

<sup>53</sup> T. B Irving, *Falcon of Spain*, 23; Stanley Lane Poole (1882), *The Moors in Spain*, cet. ke 5, (New York: G. P. Putman’s Sons, 1882), 44.

<sup>54</sup> Husayn Mu’nis, *Fajr al-Andalus, Dirasah fi Tarikh al-Andalus min Fath al-Islami ila Qiyam al-Dawlah al-Umawiyyah (711-756)*, Qahirah: Al-Sharikah al-‘Arabīyah li al-Ṭabā‘ah wa al-Nashr, 1959. 440.

<sup>55</sup> T. B Irving, *Falcon of Spain*, (Lahore: Ashraf Press, 1962), 162.

Anwar G. Chejne, *Muslim Spain: Its History and Culture*, (Minneapolis: The University of Minnesota Press, 1974.

Bernard Lewis, *The Arabs in History*, London: Hutchinson, 1968.

Hamid ‘Abd al Qadir, *al-Islam, Zuhuruh wa Intisyaruh fi al- ‘Alam*, Misr: Maktabah Nahdah, 1964.

Husayn Mu’nis, *Fajr al-Andalus: Dirasah fi Tarikh al-Andalus min Fath al-Islami ila Qiyam al-Dawlah al-Umawiyah (711-756)*, Qahirah: Al-Sharikah al-‘Arabīyah li al-Ṭabā‘ah wa al-Nashr, 1959.

Ibn al-Idhari al-Murrakhushi , *al-Bayan al Mughrib fi Akhbar al-Andalus wa al-Maghrib*, Leiden, 1948.

Ibn Qutaybah al-Dinawari, *al-Imamah wa al-Siyasah*, Qahirah, 1967.

Jan Read, *The Moors in Spain and Portugal*, (London: Routledge and Kegan Paul, 1979.

Maan Z. Madina, *Arabic - English Dictionary of the Modern Literary Language*, New York: Pocket Books, 1973.

Micheal Grant, *The Civilization of Europe*, London: Weidenfeld and Nicholson, 1965.

Muhammad ‘Abdullah ‘Inan, *Dawlah al-Islam fi al-Andalus*, Qahirah: Muassasah al-Khanji, 1960.

P.E. Russels, *A Companion to Spanish Studies*, London: Muthuen and Co. Ltd, 1973.

Phillip K.Hitti (1970), *History of the Arab*, cet. ke 10, New York: St Martin’s Press, 1970.

Reinhart Dozy, *Spanish Islam*, 231; Muhammad ‘Abdullah ‘Inan, *Dawlah al-Islam fi al-Andalus*, 64.

Reinhart Dozy, *Spanish Islam: A History of the Moslems in Spain*, London: Frank Cass, 1972.

S.M. Imamuddin, *Some Aspects of the Sosio-Economic and Cultural History of Muslim Spain*, Leiden: E.J.Brill,

S.P. Scott, Samuel Parsons *History of Moorish Empire In Europe*, New York: Am Press, 1977.

Sir Thomas Walker Arnold & Alfred Guillaume, *The Legacy of Islam*, London: Oxford University Press, 1931.

Stanley Lane Poole, *The Moors in Spain*, cet. ke 5, New York: G. P. Putman’s Sons, 1882.

T.B. Irving, *Falcon of Spain*. cet ke 2, Lahore: Ashraf Press, 1962.

Titus Burkharat, *Moorish Culture in Spain*, terj. Alisa Jaffa, London: George Allen and Unwin Ltd, 1972.

Zakarīyā, Zakarīyā Hāshim, *Faḍl al-Haḍārah al-Islāmīyah wa al-‘Arabīyah ‘Alá al-‘Alam*, Qāhirah: Dar Nahḍat Miṣr li al-Ṭab‘ wa-al-Nashr, 1970.